

# KIT HARI MINGGU KATEKETIKAL



2024

1  
Ketahuilah apa itu **Hari Minggu Kateketikal**, dan bagaimana minggu ini bermula!

7  
Sebuah **Doa** untuk **Bumi Kita** untuk semua orang berdoa bersama!

2  
Mari Kira **Tumbuhan Succulent** dan fikirkan perubahan yang kecil yang dapat kita lakukan hari ini!



6  
Lakukan perbezaan dengan menyertai **Aktiviti Bertumbuh dalam Kemurahan Hati!**

3  
Terokai kreativiti kamu dengan **Origami Gereja!**

4  
Menggalakkan sifat murah hati dalam Keluarga kita dan para jemaah dengan **Poster Bagaimana Saya Boleh Bantu!**

5  
Meningatkan diri kita sendiri tentang tanggungjawab kita dengan **Aktiviti Mewarna Pengurus Ciptaan Tuhan!**

# APA ITU HARI MINGGU KATEKETIKAL?

Hari Minggu Kateketikal bermula yang merupakan sebuah peluang bagi para katekis, ibu bapa dan penjaga untuk memberikan semula komitmen mereka terhadap misi katekesis, dan merayakan serta memperkasakan panggilan mereka sebagai komuniti beriman. Perayaan Hari Minggu Kateketikal merupakan satu maklum balas kepada dokumen yang telah dikeluarkan oleh Vatikan pada tahun 1935. "Mengenai Penjagaan dan Promosi Pendidikan Kateketikal yang lebih baik". Dalam dokumen ini, terdapat satu panggilan untuk Gereja yang menyeru dunia agar tidak hanya mengakui kepentingan pelayanan pengajaran ini, tetapi juga memberi penghargaan kepada para katekis, yang melayani komuniti Kristian.

## BILAKAH HARI MINGGU KATEKETIKAL 2024?

Pada tahun ini, Hari Minggu Kateketikal akan dirayakan pada 28 Januari 2024!



## APAKAH TEMA PADA TAHUN INI?

Tema pada tahun ini adalah: *"Kita adalah Pengurus Ciptaan Tuhan"*. Anda dijemput untuk merenung lebih mendalam lagi akan tema ini dengan membaca Pesanan Hari Minggu Kateketikal yang telah disediakan oleh Komisi Kateketikal.



## KIT HARI MINGGU KATEKETIKAL INI

Bahan-bahan dalam Kit Hari Minggu Kateketikal ini adalah untuk edaran dalaman dan kegunaan peribadi sahaja (bukan untuk tujuan komersial). Semua bahan yang diguna pakai daripada sumber luar telah diakui penggunaannya serta dipetik, mengikut kesesuaian.



# MARI KIRA SUCCULENT!

Succulents, kelihatan sangat kecil, namun masih menyumbang kepada kemanusiaan dan alam sekeliling dengan pelbagai cara. Salah satunya adalah dengan menghasilkan oksigen yang kita hirup! Begitu juga dengan kita, sekecil apapun KITA, kita masih mampu untuk melakukan perbezaan dimana pun kita berada; di sekolah, gereja dan di rumah. Maka, apakah hal kecil yang dapat saya lakukan, untuk melakukan perbezaan?



# ORIGAMI GEREJA

Kesabaran, fokus dan perhatian adalah keutamaan. Perkara ini merupakan beberapa hal yang boleh kita pelajari daripada seni Origami! Seperti mana kita tekun dalam mengambil masa untuk menghasilkan karya kita, kita juga harus sedar bahawa Tuhan juga tekun untuk mencipta kita, KARYA UNGGUL-NYA! Semua orang, seorang para kudus mahupun pendosa, dicipta dengan indah, dan dikasihi tanpa batas. Janganlah kita berpaling daripada mereka yang memerlukan, namun, sentiasa mencari jalan untuk menjadi lebih empati, mendakap, dan memperkuat mereka yang berkekurangan!

## APA YANG SAYA PERLUKAN?

- Pengawasan orang dewasa
- Kertas berwarna
- Pembaris
- Pensel
- Gunting



## APAKAH YANG PERLU SAYA LAKUKAN?

1. Sediakan sekeping kertas berwarna.
2. Lukiskan sebuah segi empat berukuran 15 cm x 15 cm, dengan menggunakan pembaris dan pensel kamu. Sekiranya kamu ingin segi empat kamu menjadi lebih besar, kamu boleh gunakan ukuran yang bersaiz 20 cm x 20 cm!
3. Gunting segi empat yang kamu lukis tadi menggunakan gunting. Kini, kamu mempunyai kertas yang berbentuk segi empat sempurna!
4. Minta orang tua kamu untuk memainkan video pada pautan Youtube berikut:  
<https://tinyurl.com/5n7suetd>
5. Ikuti arahan yang diberikan dengan teliti. Kamu boleh memberhentikan seketika video tersebut ataupun memperlahkannya sesuai keperluan kamu.
6. Pamerkan Origami Gereja kamu pada mana-mana bahagian rumah kamu!

# BAGAIMANAKAH SAYA BOLEH BANTU?



**"KALIAN MASING-MASING SUDAH MENERIMA PEMBERIAN-PEMBERIAN YANG BERBEDA-BEDA DARI ALLAH. SEBAB ITU SEBAGAI PENGURUS YANG BAIK DARI PEMBERIAN-PEMBERIAN ALLAH, HENDAKLAH KALIAN MENGGUNAKAN KEMAMPUAN ITU UNTUK KEPENTINGAN BERSAMA." 1 PETRUS 4:10**

---

(nama saya)

KITA ADALAH PENGURUS



CIPTAAN TUHAN

\_\_\_\_\_  
(nama saya)

# BERTUMBUH DALAM AMAL KASIH!

Amal kasih adalah sikap memberi tanpa batas. Hal ini bererti memberi tanpa mengharapkan penghargaan dan balasan. Menjadi seorang yang pemurah merupakan kebajikan yang baik, dan hal yang luar biasa untuk dilakukan yang memperlihatkan kepedulian dan belas kasihan kepada orang lain. Kebajikan pada dasarnya adalah tabiat yang baik, dan hanya ada satu cara untuk membentuk tabiat yang baik, iaitu dengan amalan!

**Katekis / Ibu bapa:** Kalian dijemput untuk memotong kad-kad di bawah, dan minta anak-anak kalian untuk memilih salah satu rawak yang mana harus mereka lakukan atau pratikkan!



## DERMAKAN MAINAN/GAJET!

Sekiranya terdapat mainan ataupun gadget yang tidak digunakan lebih daripada setahun, maka mendermalah!



## PERMOHONAN!

Apakah kalian tahu bahawa seseorang sedang dalam kesusahan dan memerlukan? Berdoalah untuk mereka!




## MENDERMAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA DUIT BELANJA SAYA!

Cuba pertimbangkan untuk menderma sebahagian daripada duit belanja kamu, sebagai pilihan amal kasih!



## MENGADAKAN MAJLIS DANA HARI JADI!

Dibanding hanya menerima hadiah untuk diri sendiri, cuba pertimbangkan untuk meminta derma daripada badan amal yang kamu pilih!



## MEMBUKA PINTU!

Perbuatan yang sederhana ini membenarkan kita untuk bertumbuh dalam belas kasihan dan kepedulian terhadap orang lain!



## KURANGKAN, GUNA SEMULA, KITAR SEMULA! (REDUCE, REUSE & RECYCLE!)

Cuba untuk pratikkan 3R ini sebanyak yang mungkin!



## TULISKAN SEBUAH NOTA TERIMA KASIH!

Berterima kasihlah kepada mereka yang telah memberikan impak dalam hidup kamu, ataupun kepada orang lain!



## BERSIHKAN!

Pertimbangkan untuk membersihkan ruang di dalam dan luar rumah yang digunakan oleh orang lain!



# DOA UNTUK BUMI KITA

DARIPADA ENCYCLICAL LAUDATO SI' PAUS FRANCIS

*Allah yang Maha Kuasa, Engkau hadir dalam segenap alam raya, dan  
pada setiap makhluk-Mu yang terkecil.  
Engkau memeluk semua yang ada dengan kelembutan jiwa-Mu.*

*Curahkanlah kasih-Mu keatas kami,  
Agar kami mampu untuk melindungi indahnya kehidupan.  
Penuhi kami dengan damai-Mu, agar kami dapat hidup  
bersaudara, tanpa membawa kerugian bagi sesiapa pun.*

*Ya Allah bagi para orang miskin,  
tolonglah kami untuk menyelamatkan mereka yang tersisih dan terlupakan di bumi ini,  
mereka yang begitu berharga di mata-Mu.*

*Bawalah kesembuhan dalam hidup kami,  
agar kami dapat melindungi bumi ini dan bukan mencuri daripadanya,  
agar kami menaburkan keindahan, bukan pencemaran dan kemusnahan.*

*Sentuhlah hati mereka yang merugikan kaum miskin dan memusnahkan bumi  
demi keuntungan semata-mata.*

*Ajarilah kami untuk menemukan makna dari segala yang ada,  
melihatnya dengan rasa pesona,  
untuk memahami kesatuan kami yang mendalam  
dengan setiap makhluk dalam ziarah bersama menuju Cahaya-Mu yang tidak terhingga.*

*Kami bersyukur kepada-Mu kerana Engkau bersama kami setiap hari.  
Kami mohon, kuatkanlah kami dalam perjuangan mewujudkan  
keadilan, cinta kasih dan damai.*

*Amin.*



# ACKNOWLEDGEMENTS

Illustrations: Image by pch.vector on Freepik (<https://tinyurl.com/36hh3jwy>;  
<https://tinyurl.com/wcnvkcm2> )  
Image by pikisuperstar on Freepik (<https://tinyurl.com/mht63dzx>;  
<https://tinyurl.com/2pn64sxy>; <https://tinyurl.com/29s5b2wz>)  
Image by Freepik (<https://tinyurl.com/26yana92>; <https://tinyurl.com/yc3wnapy>)  
Image by upklyak on Freepik (<https://tinyurl.com/4h27pbv4>)  
Origami Church [Image] (<https://tinyurl.com/58v566n8>)  
Origami Church [YouTube Video] (<https://tinyurl.com/5n7suetd>)  
How Can I Help Colouring Page (<https://tinyurl.com/mrx6wbkx>)  
Muted Green Eucalyptus Foliage Watercolor Collection by Catch the Dream Art

Fonts: Habanero (Dicky Kribo) & Gafata (Lautaro Hourcade)

Translation (Iban): Francis Dampa anak Inggor  
Translation (Chinese): Adelina Wong  
Translation (Tamil): Theresa Ayyakkannu  
Translation (Bahasa Malaysia): Wiena Francisca Tony

Arranged By: National Catechetical Office